

Seminar pembakuan bahasa Kadazan Dusun di IPG Keningau hari ini

UB 8-11-2018 B3

KENINGAU: Seminar para peserta kursus pemantapan profesionalisme bahasa Kadazan Dusun Institut Pendidikan Guru (IPG) Keningau hari ini memberi ruang kepada tiga pembentangan berkaitan pembakuan bahasa, morfologi dan pedagogi bahasa Kadazan Dusun.

Pengerusi penganjur George Arimput Embayan berkata seminar itu dijadual bermula jam 8 pagi sehingga 4.30 petang untuk pembentangan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS), IPG Gaya dan IPG Kent.

"Seminar ini dihadiri kalangan guru bahasa Kadazan Dusun di pelbagai sekolah dalam zon pedalaman sebagai sebahagian pengisian kursus untuk meningkatkan profesionalisme keguruan dalam perkhidmatan," jelasnya.

Menurut beliau, pembentangan pertama bertajuk 'Bahasa Kadazan Dusun dan Pembakuan' akan disampaikan oleh Henry Bating dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan, 'Morfologi Pembentukan Kata Kerja Terbitan bahasa Kadazan Dusun' oleh Dr Ruzita Buyoh (Gaya) serta



GEORGE

'Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazan Dusun' oleh Victor Baga (Kent).

Disamping mengendalikan kursus pemantapan profesionalisme kepada kalangan guru dalam perkhidmatan, IPG Keningau turut mengendalikan pengajian pendidikan guru sekolah rendah dalam bahasa Kadazan Dusun.

Angkatan pertama guru pelatih pengajaran bahasa Kadazan Dusun IPG Keningau bakal menamatkan pengajian mereka pada tahun 2020.